



Rujukan Kami : APMM UKK 100-2/1 Jld. ( )  
Tarikh : 29 April 2022

## KENYATAAN MEDIA

### OP PAGAR LAUT 1/2022 BERJAYA KUMPUL NILAI TANGKAPAN RM10.6 JUTA

PUTRAJAYA, 29 April 2022 - Pada setiap musim perayaan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) melancarkan operasi khas bagi mengukuhkan kawalan keselamatan dengan meningkatkan kesiapsiagaan aset laut dan udara, keanggotaan serta penguatkuasaan terutamanya di setiap titik panas (*hot spots*) seluruh negara sempena musim perayaan yang menumpukan kepada semua aktiviti jenayah rentas sempadan terutama kes Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), penyeludupan kontraband serta penyeludupan barang-barang kawalan di sempadan perairan seluruh negara.

2. Pada perayaan tahun ini, Maritim Malaysia telah melancarkan **OP PAGAR LAUT 1/2022** pada 19 April lalu, yang mana sehingga kini **sebanyak 32 tangkapan** telah berjaya dibuat **melibatkan pelbagai kesalahan**. Berdasarkan statistik berakhir 28 April 2022, pecahan kes adalah seperti berikut:

3. **4 Kes Tangkapan PATI.**

A. Satu (1) kes melibatkan **tangkapan PATI** seramai empat (4) warganegara **Indonesia** di **Perairan Kuala Sungai Besar, Selangor** yang ditahan di atas sebuah bot nelayan tempatan, dan kesemua PATI tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

B. Tiga (3) kes melibatkan **4 orang warganegara Myanmar dan 8 orang warganegara Kemboja** di **perairan Terengganu** ditahan diatas bot nelayan tempatan kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri serta permit perjalanan yang sah.

4. **5 Kes Penyeludupan Kontraband dan Barang Kawalan.**

Direkodkan anggaran nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM78,755.00. Pecahan kes mengikut akta adalah seperti berikut:

A. **Akta Bahan Letupan 1957.** Satu (1) tangkapan melibatkan kesalahan menyeludup 21 bungkus mercun di Perairan Kelantan pada 28 April 2022 merekodkan nilai rampasan sebanyak RM20,000.00.

B. **Akta Dadah Merbahaya 1952.** Satu (1) kes melibatkan rampasan dua (2) plastik putih syabu dengan berat 45 gram telah dilakukan dengan nilai rampasan sebanyak RM2,475.00 di perairan Labuan, Sabah.

C. **Akta KASTAM 1967. Satu (1) kes rampasan rokok** yang dipercayai diseludup di Perairan Semporna telah dilakukan pada 26 April 2022 dengan nilai rampasan sebanyak RM45,000.00 iaitu 180 karton rokok putih jenama L3 dan 200 karton rokok jenama ASTRO HIJAU.

D. **Akta Kawalan Bekalan 1961.**

I. Satu (1) kes melibatkan **rampasan petrol** dengan jumlah 100 liter bernilai RM 205.00 telah ditahan di perairan Sandakan pada 22 April 2022.

II. Satu (1) kes melibatkan **rampasan minyak masak** (peket 1 kg) dengan jumlah 1,070 melibatkan jumlah nilai rampasan RM11,075.00 di perairan Semporna pada 22 April 2022.

5. **Akta Perikanan 1985 Dan Akta Imigresen 1959/63. Tangkapan Bot Nelayan Asing.** Bagi kes melibatkan vesel nelayan asing, Maritim Malaysia telah berjaya membuat **7 kes** tangkapan Bot Nelayan Asing Vietnam serta 66 kru kesemuanya warganegara Vietnam. Anggaran nilai rampasan adalah sebanyak **RM10.5 juta**. Pecahan tangkapan tersebut adalah satu (3) bot ditahan di Perairan Terengganu pada 28 April 2022, dua (2) bot ditahan di perairan Kelantan dan dua (2) buah bot ditahan di perairan Mersing, Johor.

6. **Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952.** Maritim Malaysia telah berjaya menahan empat (4) buah kapal dagang di perairan Johor Timur kerana berlabuh secara haram .

7. **Lain-Lain Tangkapan.** Semasa pelaksanaan OP PAGAR LAUT 1/2022 ini juga Maritim Malaysia telah membuat tangkapan **12 kes** melibatkan pelbagai kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 yang melibatkan Bot Nelayan Tempatan sebanyak 6 kes dan Enakmen Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah (JPDS) 2002 sebanyak 6 kes.

8. Keseluruhan tangkapan yang telah dibuat dalam OP PAGAR LAUT 1/2022 berjaya mengumpul hasil tangkapan yang bernilai lebih kurang RM10.6 juta. Maritim Malaysia tidak akan 'mengendurkan' kesiapsiagaan operasi pada musim perayaan bagi mengekang dan memerangi aktiviti jenayah rentas sempadan di perairan negara supaya keselamatan dan kesejahteraan perairan negara terus terpelihara. Sebarang maklumat kegiatan jenayah maritim boleh disalurkan kepada Pusat Operasi Maritim (POMAR) di talian 03-89434001 atau mana-mana Pusat Operasi Maritim (PUSOP) yang berhampiran di setiap Maritim Negeri seluruh negara.

**LAKSAMANA MARITIM DATO' MOHD ZUBIL BIN MAT SOM**

**Ketua Pengarah**

**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

**Kementerian Dalam Negeri**

**- TAMAT-**

Sebarang pertanyaan, sila hubungi;  
Unit Komunikasi Korporat Maritim Malaysia,  
Puan Faridah binti Shuib  
Tel: 019-2188001  
Emel: [faridahs@mmea.gov.my](mailto:faridahs@mmea.gov.my)